



TEKS

KHUTBAH

NEGERI PAHANG

OGOS 2026

PERANAN MASJID DAN SURAU DALAM MASYARAKAT

14 OGOS 2026M | 1 RABIULAWAL 1448H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا
وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلْ لَيْلٌ فَلَا
هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا
عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ
الْمُتَّقُونَ.

Bertakwalah kepada Allah ﷻ dengan sebenar-benar takwa, laksanakan segala perintah-Nya, dan tinggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah ﷻ di dunia dan akhirat.

Sidang jemaah yang dikasihi Allah ﷻ

Masjid dan surau mempunyai kedudukan yang istimewa dalam Islam. Ini dibuktikan dengan tindakan pertama yang dilakukan oleh Rasulullah ﷺ ketika berhijrah ke Madinah ialah mendirikan masjid sekaligus menjadi pusat utama dalam urusan umat Islam pada zaman

Rasulullah ﷺ, Allah ﷻ memuliakan masjid dengan gelaran *Baitullah* (Rumah Allah). Firman Allah ﷻ dalam surah al-Nur ayat 36:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

فِي بُيُوتٍ أَذِنَ اللَّهُ أَنْ تُرْفَعَ وَيُذْكَرَ فِيهَا أَسْمُهُ يُسَبِّحُ لَهُ فِيهَا بِالْغُدُوِّ
وَالْآصَالِ ﴿٣٦﴾

Yang bermaksud: “*Di rumah Allah diperintahkan supaya dimuliakan dan di dalamnya disebut nama-Nya, bertasbih kepada-Nya di dalamnya pada waktu pagi dan petang.*”

Malah masjid adalah tempat yang paling disayangi Allah ﷻ di muka bumi. Sabda Rasulullah ﷺ dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim:

أَحَبُّ الْبِلَادِ إِلَى اللَّهِ مَسَاجِدُهَا

Yang bermaksud: “*Tempat yang paling Allah cintai ialah masjid-masjidnya.*”

Sidang jemaah yang dihormati sekalian

Peranan utama masjid dan surau terhadap umat Islam antaranya:

Pertama: Sebagai Pusat Ibadah

Masjid dibina secara khusus sebagai tempat utama umat Islam untuk mendirikan ibadah khususnya solat berjemaah. Sabda Rasulullah ﷺ dalam hadis riwayat Imam Bukhari dan Muslim:

سَبْعَةٌ يَظِلُّهُمُ اللَّهُ، فِي ظِلِّهِ، يَوْمَ لَا ظِلَّ إِلَّا ظِلُّهُ، (مِنْهَا) وَرَجُلٌ قَلْبُهُ مُعَلَّقٌ
فِي الْمَسَاجِدِ،

Yang bermaksud: “Tujuh golongan yang mendapat naungan daripada Allah pada hari tidak ada naungan kecuali naungan-Nya (antaranya) lelaki yang hatinya terpaut dengan masjid.”

Demikian juga, Abdullah bin Mas‘ud رضي الله عنه mengingatkan bahawa:

“Sesiapa yang ingin bertemu Allah esok hari sebagai seorang Muslim, maka hendaklah dia menjaga solat ini ketika diseru kepadanya. Dan sesungguhnya aku melihat keadaan kami (para sahabat Nabi) tidak ada yang meninggalkan solat berjemaah melainkan orang munafik yang nyata nifaqnya.”

Dalam masa yang sama ibadah lain seperti membaca al-Quran, beriktikaf, berzikir dan lain-lain turut digalakkan untuk dilakukan di masjid.

Kedua: Sebagai Pusat Pembangunan Ilmu

Masjid telah menjadi sebagai pusat perkembangan ilmu sejak zaman Rasulullah ﷺ. Orang yang menuntut ilmu di masjid diberi ketenangan, diturunkan rahmat dan didoakan oleh para malaikat. Sabda Nabi ﷺ dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim yang bermaksud:

“Tidaklah suatu kaum berkumpul di salah satu rumah Allah (masjid), mereka membaca kitab Allah (al-Quran) dan mempelajarinya sesama mereka, melainkan akan turun kepada mereka ketenangan, mereka diliputi rahmat, mereka dikelilingi para malaikat, dan Allah menyebut mereka di hadapan makhluk yang berada di sisi-Nya.”

Ketiga: Sebagai Pusat Pembangunan Sosial

Masjid juga menjadi tempat pertemuan ukhwh umat Islam untuk saling mengenali, bantu membantu dan menyayangi antara satu sama lain tanpa mengira pangkat dan kedudukan.

Sejarah kehidupan Abu Hurairah رضي الله عنه yang pernah tinggal di Masjid Nabawi sebagai Ahli Suffah yang hidup dalam keadaan serba kekurangan, namun beliau sentiasa disantuni oleh Rasulullah ﷺ dan para Sahabat Radiallahu Anhum serta masyarakat Islam. Hal ini menjadi bukti wujudnya semangat kepedulian sosial dan ukhwh yang tinggi dalam kalangan umat Islam sejak dahulu.

Sidang Jumaat yang dimuliakan

Masjid juga wajar berfungsi dengan aktiviti yang mesra kanak-kanak dan remaja supaya perasaan cintakan masjid dapat dipupuk lebih awal dalam diri mereka. Aktiviti yang melibatkan golongan wanita juga perlu diperhebatkan dan pendekatan yang bersesuaian bagi menyantuni golongan orang kelainan upaya (OKU) juga perlu mendapat perhatian. Usaha sebegini adalah demi memastikan institusi masjid terus relevan dan diwarisi oleh generasi akan datang.

Antara faktor kejayaan sesebuah masjid ialah jawatankuasa masjid yang aktif merancang dan mengurus program yang bermanfaat untuk

seluruh lapisan masyarakat. Di samping itu pihak institusi agama dan masyarakat juga hendaklah sentiasa memberikan kerjasama dan sokongan dalam apa jua usaha pengimarahkan masjid yang dilaksanakan.

Marilah kita menjadikan masjid dan surau sebagai destinasi utama dalam kehidupan seharian agar setiap usaha mengimarahkannya diberi ganjaran pahala serta mendapat naungan Allah ﷻ di akhirat nanti.

Sidang Jumaat yang dihormati

Beberapa pengajaran boleh diambil melalui khutbah pada hari ini, antaranya:

- Pertama: Masjid merupakan pusat ibadah utama, pusat penyebaran ilmu agama dan pusat pembangunan sosial bagi umat Islam.
- Kedua: Masjid hendaklah dijadikan sebagai pusat mesra kanak-kanak, remaja, wanita dan golongan kelainan upaya agar kecintaan mereka terhadapnya dapat dipupuk sejak awal.
- Ketiga: Pengimarahkan masjid memerlukan kerjasama yang erat antara jawatankuasa masjid dan semua lapisan masyarakat agar ia dapat berfungsi dengan lebih menyeluruh dan berkesan.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسْجِدَ اللَّهِ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَءَاتَى
الزَّكَاةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا اللَّهَ فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ ﴿١٨﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.